

(<https://news.usm.my>)

Berita Mutakhir ▾

# 01 KETUA POLIS NEGARA HADIR TANDATANGAN MoA DEC PDRM-USM



USM, PULAU PINANG, 1 Disember 2016 - Ketua Polis Negara, Tan Sri Dato' Seri Khalid Abu Bakar akan hadir untuk menandatangani bagi pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) Memorandum Perjanjian (MoA) dengan Universiti Sains Malaysia (USM) melalui Pusat Pengajian Sains Kesihatan.

MoA ini bertujuan untuk menjalankan hubungan kerjasama latihan di antara kedua-dua pihak iaitu dalam bidang Sains Forensik dan majlis akan diadakan pada hari Jumaat, 2 Disember 2016 jam 9.30 pagi bertempat di Dewan Persidangan Universiti (DPU), USM, Pulau Pinang.

Melalui kerjasama seperti ini yang dijalankan sejak tahun 2004, USM-PDRM telah melatih dan melahirkan seramai 372 graduan Ijazah Sarjana Muda Sains (Sains Forensik).

Kolaborasi ini juga memberikan banyak peluang untuk menjalankan pelbagai projek penyelidikan yang melibatkan penggunaan senjata api, gunshot residue dan questioned document dengan bantuan dan sokongan pihak PDRM sebagai projek tahun akhir para pelajar pascasiswa bagi pengajian peringkat

Sarjana dan Kedoktoran.

Turut hadir untuk menandatangani bagi pihak USM adalah Naib Canselor, Profesor Datuk Dr. Asma Ismail.

Teks: Nor Rafizah Md. Zain



Share This

**Pusat Media dan Perhubungan Awam / Media and Public Relations Centre**

Level 1, Building E42, Chancellory II, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang Malaysia

Tel : +604-653 3888 | Fax : +604-658 9666 | Email : [pro@usm.my](mailto:pro@usm.my) (<mailto:pro@usm.my>)

Laman Web Rasmi / Official Website : [Universiti Sains Malaysia](http://www.usm.my) (<http://www.usm.my>).

[Client Feedback / Comments](http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp) (<http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp>) | USM News Portal. Hakcipta Terpelihara USM 2015